

# Konvensyen bukti cinta pada Nabi Muhammad

**S**ERDANG: Lebih 10 institut pengajian tinggi awam (IPTA) dari seluruh negara menyertai Konvensyen Maulidur Rasul Pelajar IPTA Peringkat Kebangsaan 2009 di Dewan Kuliah Utama Fakulti Perubatan dan Sains Perubatan, Universiti Putra Malaysia (UPM), semalam.

UPM dipilih menjadi tuan rumah pada tahun ini dengan bertemakan 'Wahdah Pemangkin Khaira Ummah' dan dirasmikan Timbalan Naib Canselor UPM, Prof Dr Azali Mohamed.

Objektif konvensyen untuk membuktikan kecintaan dan ingatan umat Islam kepada Nabi Muhammad s.a.w dengan membesar dan menatazimkan kedudukannya.

Pengarah Program Konvensyen, Akmal Azfar Abd Mutalib, berkata konvensyen kali ini lebih menekankan pelajar sebagai komuniti yang gigih dalam aspek pembangunan jasmani dan keilmuan serta menitikberatkan aspek kerohanian dan



**AKMAL...mantapkan pengurusan intelektual**

pembangunan modal insaniah yang berlandaskan kepuhanan.

"Pelbagai aktiviti dirangka untuk peserta program dan diharap konvensyen kali ini dapat memantapkan pengurusan intelektual di kalangan peserta dapat memanfaatkan aktiviti program dengan sebaik mungkin.

"Aktiviti yang dirangka bertepatan dengan tujuan sambutan Maulidur Rasul

yang diadakan setiap tahun iaitu mengingati jasa dan perjuangan Rasulullah s.a.w dalam memperjuangkan agama Islam supaya disebarluaskan kepada umatnya hingga ke hari ini," katanya.

Tiga sesi yang diatur untuk memantapkan lagi pengisian program ialah ceramah 'Kepimpinan dan Keperibadian Rasulullah s.a.w' yang disampaikan penceramah terkenal negara, Datuk Abu Hassan Din Al-Hafiz, pembentangan kertas kerja 'Pemanfaatan Intelektual ke Arah Keharmonian' oleh Faikuruddin Eshak dan Dr Amini Amir Abdullah serta panel diskusi 'Rahmat Suatu Kelahiran' oleh Prof Madya Dr Mohammad Shatar Sabran, Ismail Hashim Junaidi dan Zamihan Mat Zin.

Sementara itu, pelajar Kejuruteraan Pertanian dan Biosistem UPM, Mohd Radzi Muhammad Dul, 22, berpendapat manfaat yang diperoleh melalui konvensyen ini dapat menjana ukhwah.